



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGUMPULAN PERIBAHASA THAI DI SELATAN THAILAND DAN TERJEMAHANNYA DALAM BAHASA MELAYU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SIRIPORN KALONG

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2005**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGUMPULAN PERIBAHASA THAI DI SELATAN THAILAND
DAN TERJEMAHANNYA DALAM BAHASA MELAYU**

SIRIPORN KALONG



05-4506832



pustak

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK



ptbupsi

**MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU**

FAKULTI BAHASA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2005



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
ii

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

14.04.2005

SIRIPORN KALONG
20031001381



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
ii



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Amat Pemurah dan Penyayang

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wa taala kerana dengan keizinan dan limpah kurnia-Nya dapat saya siapkan disertasi ini. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terhutang budi saya kepada beberapa pihak.

Kepada penyelia saya, Profesor Abdullah Hassan, Profesor Bahasa Melayu dan Komunikasi, Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris, diucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas daya bimbingan dan nasihat beliau dalam menghasilkan disertasi ini.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Encik Mohd Radzi, Timbalan Dekan (Akademik), Universiti Pendidikan Sultan Idris, yang menyelia tugasani ini atas dorongan dan tunjuk ajar serta nasihat yang diberi oleh beliau. Penulis berjaya menyempurnakan tugasani ini.

Kepada Tuan Haji Syed Abdullah Al-Jufri, Pensyarah Cawangan Bahasa Melayu, Jabatan Bahasa-bahasa Timur, Fakulti Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan, Prince of Songkhla University, Kampus Pattani, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih atas pertolongan tuan dalam pemprosesan data dan pengumpulan bahan untuk kajian ini.

Saya juga merakamkan diucapkan setinggi terima kasih saya kepada Profesor Madya Dr. Worawit Baru @ Haji Ahmad Idis, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Prince of Songkhla University, Kampus Pattani, Encik Wae Majid Paramal, Ketua Cawangan Bahasa Melayu, Jabatan Bahasa-bahasa Timur, Fakulti Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan, Prince of Songkhla University, Kampus Pattani, dan teman-teman saya baik di Universiti Pendidikan Sultan Idirs mahupun di Thailand atas dorongan dan sokongan moral mereka.

Saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada pihak Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan John F. Kenneky, Institut South East Asia, Prince of Songkhla University, Kampus Pattani, dan Perpustakaan Thaksin University, kerana menyediakan segala kemudahan dan kelengkapan sewaktu kajian untuk disertasi ini dijalankan.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
iv

Rakaman terima kasih juga diucapkan kepada ibu bapa saya, Hajjah Asiroh Kalong dan Haji Anant Kalong @ Haji Abd. Rahman Bin Ahmad, adik beradik saya, kerana galakan, kesanggupan, ketabahan hati dan pengorbanan mereka yang merangsangkan saya untuk berusaha hingga disertasi ini dapat saya siapkan.

Akhir sekali, ingin saya catatkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu saya, baik secara langsung maupun tidak langsung dalam menghasilkan disertasi ini. Semoga kajian ini bermanfaat kepada semua pihak, khususnya penutur dan pendukung Bahasa Melayu di negara Thai dan pencinta Bahasa Melayu amnya.

Wassalam.

SIRIPORN KALONG
Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim.

14 April 2005



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
iv



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

ABSTRACT

This dissertation is a descriptive study of proverbs used by the Malay of South Thailand. These proverbs are collected and translated into Malay. All the proverbs collected are to be adapted for the teaching of Malay to Malay students of Southern Thailand. Chapter 1 is a general description of Thailand and its population, to indicate the Malay population of South Thailand. Chapter 2 describes the methodology used, i.e. the proverbs were collected through interviews, and printed like books, journals and newspapers, as well as through the internet. Chapter 3 describes how the proverbs are classified into four broad types, i.e. (1) Thai proverbs with the same words and meaning with Malay proverbs, (2) Thai proverbs with similar words and meaning with those Malay proverbs, (3) Thai proverbs with similar words but different meanings compare to Malay proverbs, and (4) Thai proverbs with different words but similar meanings to those Malay proverbs. Chapter 4 discusses how these proverbs will be used in teaching Malay. Chapter 5 makes a conclusion by discussing positive and negative effects in using such proverbs in teaching Malay language.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

ABSTRAK

Disetasi ini adalah kajian tentang peribahasa yang digunakan oleh kaum Melayu di Selatan Thai. Peribahasa ini dikumpulkan dan diterjemahkan. Peribahasa yang dikumpulkan ini disesuaikan untuk mengajar bahasa Melayu kepada pelajar Melayu di Selatan Thai. Bab 1 adalah deskripsi mengenai negara Thai dan komposisi penduduknya bagi menjelaskan kedudukan kaum Melayu di Selatan Thai. Bab 2 menjelaskan metodologi kajian, iaitu; peribahasa Melayu ini dikumpulkan melalui temubual. Bahan bercetak seperti buku, jurnal, akhbar dan internet. Bab 3 peribahasa Melayu Thai yang dikumpulkan diklasifikasi kepada empat, iaitu; (1) peribahasa Thai yang sama erti dengan peribahasa Melayu, (2) peribahasa Thai yang seakan-akan erti dengan peribahasa Melayu, (3) peribahasa Thai yang sama perkataan tetapi berlainan erti dengan peribahasa Melayu dan (4) peribahasa Thai yang berbeza perkataan tetapi mempunyai sama erti dengan peribahasa Melayu. Bab 4 membincangkan bagaimana peribahasa ini dapat digunakan dalam mengajar bahasa Melayu. Bab 5 membuat kesimpulan tentang kesan positif dan negatif menggunakan peribahasa ini dalam mengajar bahasa Melayu.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
-----------	----

PENGHARGAAN	iii
-------------	-----

ABSTRACT	v
----------	---

ABSTRAK	vi
---------	----



BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	
1.2 Latar Belakang Negara Thailand	3
1.3 Selatan Thai	8
1.3.1 Wilayah Songkhla	10
1.3.2 Geografi	14
1.3.3 Sejarah	14
1.3.4 Demografi	15
1.3.5 Lambang	15
1.3.6 Kawasan Pentadbiran	16
1.3.7 Masyarakat Melayu di Songkhla	18



**BAB 2 METODOLOGI KAJIAN**

2.1	Pengenalan	21
2.2	Pernyataan Masalah Kajian	21
	2.2.1 Soalan Kajian	22
2.3	Tujuan Kajian	22
2.4	Kepentingan Kajian	23
2.5	Reka Bentuk Kajian	23
	2.5.1 Kajian Perpustakaan	23
2.6	Kaedah Pengumpulan Peribahasa	24
	2.6.1 Temu bual	25
	2.6.2 Buku-Buku	29
	2.6.3 Jurnal	30
	2.6.4 Suratkhabar	31
	2.6.5 Internet	31
2.7	Persampelan	31
2.8	Prosedur Kajian	32
2.9	Batasan Kajian	32
2.10	Definisi Kajian	33



**BAB 3 DAPATAN KAJIAN**

3.1 Pengenalan	34
3.2 Klasifikasi dan Terjemahannya	35
3.2.1 Peribahasa Thai yang sama perkataannya dan seerti dengan peribahasa Melayu.	35
3.2.2 Peribahasa Thai yang seakan-akan sama perkataannya tetapi mempunyai maksud yang sama dengan peribahasa Melayu.	82
3.2.3 Peribahasa Thai yang sama perkataannya tetapi mempunyai maksud yang berlainan dengan peribahasa Melayu.	113
3.2.4 Peribahasa Thai yang tidak sama perkataannya tetapi mempunyai maksud yang sama dengan peribahasa Melayu.	129

**BAB 4 APILIKASI MENGAJAR**

4.1 Pengenalan	252
4.2 Pengajaran Peribahasa Melayu	233
4.3 Kaedah Mengajar Peribahasa	239
4.3.1 Bentuk Soalan SPM Terkini	241
4.3.2 Strategi Menjawab Soalan	243



**BAB 5 KESIMPULAN**

5.1	Pengenalan	245
5.2	Kesan Baik	247
5.3	Kesan Buruk	248
5.4	Cadangan	249
5.5	Kesimpulan	250

RUJUKAN 253**LAMPIRAN**

A.	Rancangan Mengajar Satu: Tingkatan Satu	257
B.	Rancangan Mengajar Satu: Tingkatan Dua	261
C.	Rancangan Mengajar Satu: Tingkatan Tiga	265
D.	Rancangan Mengajar Satu: Tingkatan Empat	267
E.	Rancangan Mengajar Satu: Tingkatan Lima	270
F.	Rancangan Mengajar Satu: Tingkatan Enam	273



SENARAI GAMBAR

Gambar		muka surat
1.2 (1)	Lambang Negara Thai	5
1.2 (2)	Bendera Negara Thai	5
1.2 (3)	Peta Negara Thai	7
1.3.1	Peta Wilayah Songkhla	13
1.3.5	Lambang Wilayah Songkhla	16
1.3.6	Peta Amphoe di Songkhla	17



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2003), salah satu keistimewaan bahasa Melayu ialah kekayaan bentuk-bentuk bahasa kiasan yang terdapat di dalamnya. Bentuk-bentuk ini adalah sangat aktif digunakan hari-hari. Bahasa kiasan lama biasanya akan lenyap daripada penggunaan dan diganti dengan bahasa kiasan baru yang sama erti, ataupun bentuk lama itu mendapat makna baru.

Bahasa kiasan ialah ungkapan-ungkapan yang maknanya tidak boleh diketahui daripada makna perkataan itu sendiri ataupun daripada susunan tatabahasanya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Dalam bahasa Melayu bentuk-bentuk bahasa kiasan dapat diklasifikasikan seperti berikut:



Mengikut Zainal Abidin Bin Ahmad (Za'ba, 1965), peribahasa ialah susunan kata yang pendek dengan makna yang luas, mengandungi kebenaran, sedap didengar dan bijak perkataannya.

Maksud peribahasa yang diberikan oleh *Kamus Dewan*, ialah ‘ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu.’

Peribahasa ialah ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu.

Peribahasa ialah lambang kekayaan bahasa yang dimiliki oleh semua bahasa. Peribahasa adalah ungkapan yang menyematkan makna yang cukup mendalam dan



persis untuk tujuan kelancaran komunikasi. Penggunaan peribahasa mempunyai objektif yang tersendiri, iaitu supaya orang yang mendengarnya tidak mudah tersinggung ketika berkomunikasi (Chai Loon Guan, 2003: 36).

Peribahasa adalah salah satu bentuk kesusasteraan Melayu tradisional. Peribahasa tergolong ke dalam genre puisi tradisional. Seperti kesusasteraan Melayu tradisional yang lain juga, puisi dan prosa, peribahasa nampaknya makin luntur penggunaannya dalam percakapan dan penulisan. Fenomena ini seakan-akan mencerminkan bahawa peribahasa tidak upaya digunakan oleh generasi muda dalam percakapan dan penulisan. Bahkan, ada sebilangan generasi muda yang sukar menghuraikan atau menjelaskan maksud peribahasa walaupun secara singkat. Yang upaya dilakukan oleh mereka ialah memberikan contoh peribahasa. Contoh yang

diberikan itu pula tidak dapat dipastikan oleh mereka, sama ada pepatah, perbilangan, bidalan ataupun perumpamaan.

1.2 Latar Belakang Negara Thailand

Kerajaan Thai atau nama rasminya *Prathēt Thai* adalah sebuah negara di Asia Tenggara yang bersempadan dengan Laos dan Kemboja di timur, Myanmar dan Laut Andaman di barat dan bersempadan dengan Malaysia di bahagian selatan. Negara Thai dahulunya dikenali sebagai Siam. Pada bulan Julai, 1961. Siam tidak lagi dikenali sebagai Siam tetapi sebagai Thailand. Perkataan “Thailand” itu bererti “Bumi Bebas.”





Thailand mempunyai penduduk seramai 64 juta orang. Dalam pengucapan bahasa Thai, memiliki sedikit perbezaan antara masyarakat di wilayah selatan, utara mahupun timur laut. Tetapi penulisannya tetap sama. Kebijakan politik Thailand di bawah pengaruh kerajaan, yang pada saat ini dipimpin oleh raja **Bhumibol Adulyadej** adalah raja ke-9 daripada dinasti Cakri.

Lambang negara Thai dikenali sebagai Phya-Khrut dalam bahasa Thai. *Phya* bermakna "raja" atau "ketua" dan *Khrut* bermakna "Garuda;" seekor burung mitos yang berbadan dan berkepala manusia dan mempunyai kepak dan kuku burung helang. Phya Khrut adalah lambang kebangsaan Thai dan oleh itu dipamerkan dan diperlakukan dengan cara yang hormat. Hanya perniagaan-perniagaan besar dan berpengaruh diberi izin oleh kerajaan Thai untuk mempamerkan lambang Phya-Khrut





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

5

Gambar 1.2 (1) Lambang Negara Thai



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Gambar 1.2 (2) Bendera Negara Thai



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Bahasa Thai mempergunakan suatu tatabahasa yang serupa dengan Cina. Sudah dinyatakan oleh ahli bahasa Thai yang terkenal namanya adalah Phaya Anuman Rajadhon mengarang sebuah buku yang sederhana mengenai Perkembangan Bahasa Thai, yang diterbitkan 1961 oleh departemen kesenian pemerintahan Thailand. Belia mengatakan terdapat beratus-ratus kata yang sama di antara Thai dengan Cina. Kebanyakan kata-kata adalah sebahagian daripada kebudayaan pinjaman oleh orang Thai, setelah lama berhubungan terus dengan Cina. Sebaliknya, terdapat kelas perkataan tertentu yang secara jelas diterbitkan daripada sumber perkataan yang sama. Dan lebih penting, di sebalik kesamaan kata-kata tunggal, orang Thai dan orang Cina berbicara yang lebih kurang sama bentuknya walaupun bila menulis, dua buah bahasa adalah berbeda.



Thailand dibahagikan kepada 76 wilayah (bahasa Thailand: จังหวัด, *changwat*), yang kemudian dibahagikan kepada 5 kelompok wilayah, setelah Timur dan Tengah digabung menjadi satu. Nama setiap wilayah sama dengan ibu kota, yang kadang diawali dengan kata *Mueang* (atau *Muang*) bagi mengeakkan kekeliruan dengan wilayahnya. Kecuali Songkhla, ibu kota yang juga adalah kota terbesar di wilayahnya.



Gambar 1.2 (3)
Peta Negara Thai





Bangkok adalah wilayah ibu kota dengan populasi terbesar dan kepadatan penduduk yang tinggi. Wilayah terbesar adalah Nakhon Ratchasima, dan yang terkecil adalah Samut Songkhram. Mae Hong Son mempunyai kepadatan penduduk terendah, sementara Ranong mempunyai populasi terkecil.

Setiap wilayah diperintah oleh seorang gabenor yang dilantik oleh Menteri Dalam Negeri. Pengecualian berlaku terhadap Bangkok yang gabenorinya dipilih melalui pilihan undi.

Wilayah-wilayah tersebut dibahagikan lagi menjadi 795 distrik (amphoe, อำเภอ) dan 81 distrik kecil (king amphoe, อำเภอ). 50 distrik Bangkok dipanggil khet (เขต), namun dalam dokumen rasmi kadang kala disebut sebagai *amphoe*. Jumlah distrik di wilayah berbeda antara satu sama lainnya, dari tiga di wilayah kecil hingga 50 di Bangkok. Sistem pembahagian yang lebih kecil lagi adalah tambon (sub-distrik) dan muatan.

1.3 Selatan Thai

Selatan Thai dan Semenanjung Tanah Melayu pada awalnya menjadi tempat kediaman orang hutan, orang bukit dan orang laut yang terdiri daripada beberapa suku, seperti Sakai, Semang, Negrito dan sebagainya (Sawvanee Jitmoud, 1988: 63). Fakta sejarah menunjukkan bahawa orang Thai Muslim di Wilayah Sempadan Selatan Thai bukan golongan yang berhijrah ke negara Thai, malahan mereka mendiami





kawasan ini sejak purbakala. Kebanyakan mereka berketurunan Melayu, tidak boleh berbahasa Thai ataupun tidak berminat untuk berbahasa Thai. Mereka menggunakan Bahasa Melayu secara meluas (Songkhram Chuenpibal, 1975: 4).

Selatan Thai ialah bumi asal tempat kediaman orang Melayu. Orang Thai memasuki dan menduduki kawasan ini kemudian mereka menggunakan kekuatan tentera yang lebih hebat daripada orang Melayu sehingga berjaya merampas kebanyakan bumi kepunyaan orang Melayu dan menjadikannya sebahagian daripada Negara Thai. Hal demikian menyebabkan orang Melayu yang mendiami bumi asalnya berubah menjadi warga Negara Thai seterusnya (Chai Ruangsipa, 1974: 23). Penglibatan kuasa Thai dalam mempengaruhi tanah Melayu telah lama berlaku, yakni sejak Era Sukhothai, sebagaimana yang terdapat pada catatan Cina berikut:



“1295 Since the peoples of Hsien and Ma-li-yu-erh have for a long time slain each other and since they are all in submission at this moment an Imperial order was issued telling the people of Hsien not to harm the Ma-li-yu-erh and to keep to their promise”

(Dipetik daripada Flood, Thadeus, E. 1969 dalam Sanan Muangwongsa, 1981: 193).

Memandangkan beberapa ciri ini, maka kajian ini menganggap orang Melayu di Negara Thai sebagai yang berikut:

“...seseorang yang menganut agama Islam, lazimnya berbahasa Melayu atau sekurang-kurangnya menggunakan sumber-sumber perkataan Melayu dalam percakapan sehari-hari serta mengamalkan ciri-ciri budaya Melayu”

Harold E. Smith (1976) dan E. Seidenfaden (1957) (dalam Imran Matlulim, 1994: 32-33) mendefinisikan orang Thai Selatan dengan definisinya yang menarik:





“Orang Thai Selatan: suku bangsa Thai yang mendiami kawasan Semenanjung ini hingga ke Segenting Kara... ciri-ciri keturunan suku ini dipercayai bahawa ada percampuran di antara bangsa Thai dengan suku bangsa lain yang bukan bangsa Thai yang tinggal di kawasan ini, termasuk bangsa Melayu dan Keturunan Negrito... bahasanya ialah bahasa Thai Selatan”

Seidenfaden, E. pula memanggil orang Thai Selatan sebagai:

“Orang Melayu yang telah berubah menjadi Thai. Orang Thai Selatan berasingan dengan orang Thai di bahagian-bahagian lain. Orang Thai Selatan mempunyai bahasa vernakular, bentuk kesenian, kebudayaan dan sejarahnya yang tersendiri. Mereka mempunyai ciri-ciri kesamaan dari segi kemasyarakatan, kebudayaan dan nilai-nilai politik yang sedikit sekali dengan orang Thai Bangkok”

1.3.1 Wilayah Songkhla



Nama asalnya ialah Sinhgala (kota singa). Hal ini merujuk kepada bukit berbentuk singa yang berhampiran dengan wilayah Songkhla.

Songkhla (Thai สงขลา) adalah salah satu daripada wilayah-wilayah (*changwat*) di selatan Thailand. Wilayah-wilayah yang berdekatan adalah Satun, Phattalung, Nakhon Si Thammarat, Pattani and Yala. Di bahagian selatan, Songkhla bersempadan dengan Malaysia.

Menurut Worawit Baru @ Ahmad Idris (1999) Songkhla, yang dikenali dengan nama Senggora atau Singgora, ialah sebuah wilayah yang besar dan terpenting di Selatan Negara Thai serta digolongkan ke dalam Wilayah Sempadan Selatan Thai. Sejarah perkembangan Songkhla menarik kerana





selalu dikaitkan dengan negari-negari Melayu di sekitarnya. Pada suatu ketika kesultanan Melayu muncul memerintah dan membangunkan Songkhla selama empat puluh tahun (Prayunsakdi Chalayondecha, 1996: 96). Songkhla, seperti negari-negari lain di rantau ini, tidak terlepas daripada pengaruh Srivijaya. Kira-kira pada kurun Buddha ke-22, negari-negari di Selatan Thai menghadapi kesusahan akibat serangan lanun-lanun bangsa Melayu dari kepulauan Sumatera dan Hujung Tanah Melayu. Oleh yang demikian, pada tahun 1610, Kerajaan Ayudhya memberi kuasa penuh kepada kuil-kuil Buddha di negari-negari di Selatan mengumpul para sami dan orang-orang awam menentang serangan lanun tersebut. Kelihatan bahawa agama Buddha dan jenteranya pada suatu ketika digunakan dan memainkan peranan penting dalam perkembangan negari-negari di Selatan Thai. Strategi yang digunakan oleh kuasa pusat, iaitu

Kerajaan Ayudhya, memberi kesan yang berpanjangan dalam mengidentifikasi bangsa dan agama di antara Siam dengan Melayu sehingga Senggora dapat menjadi sempadan pertahanan perkembangan Islam dari Kepulauan Melayu dan Hujung Semenanjung ke utara (Sathaban Taksin Khadi Suksa, 1986: 3586). Bagaimanapun, bangsa Melayu masih mempunyai pengaruhnya yang meluas di rantau ini kerana kedudukan Negeri Pattani yang menjadi negari kepunyaan bangsa Melayu sejak dari awal dan adalah negari pertama memeluk Islam di samping Kedah sebagai negari jiran yang mempunyai hubungan keturunan dan keagamaan yang sama. Dalam satu catatan Perancis ada dinyatakan seperti yang berikut:

“...pada tahun 1643 terdapat seorang bangsa Melayu melantik dirinya menjadi raja Songkhla dan tidak tunduk kepada kuasa raja Siam. Dia membuat kubu-kubu perang dengan kukuh serta mengajak para





pedagang supaya datang berdagang di Songkhla secara besar-besaran. Siam memasang tenteranya menyerang Songkhla buat beberapa kali tetapi dipatahkan setiap kali. Kemudian orang Melayu ini melantik dirinya menjadi raja Negeri Songkhla”
(Prayunsakdi Chalayondecha, 1996: 91)

Orang Melayu di Songkhla terdiri daripada Melayu peribumi, Melayu Pattani, Melayu dari Semenanjung dan Kepulauan Melayu.

Berbanding dengan wilayah lain, wilayah Songkhla bukan bandar yang paling besar. Hat Yai mempunyai penduduk seramai 194,000 orang yang lebih besar dua kali ganda daripada Songkhla. Hal ini selalu disalah faham bahawa ibu Negeri ialah Hat Yai.



terletak 60 kilometer dari sempadan Thailand di Sadao dengan Bukit Kayu Hitam di negara Kedah, Malaysia.





Gambar 1.3.1
Peta Wilayah Songkhla





1.3.2 Geografi

Songkhla terletak di utara Semenanjung Melayu, di kawasan pantai teluk Thailand. Kawasan yang paling tinggi ialah di Khao Mai Kaeo dengan ketinggian 821 meter.

Di bahagian utara ialah tasik Songkhla yang menjadi tasik semula jadi yang paling besar di Thailand. Tasik ini meliputi kawasan 1,040 kilometer dan keluasan dari selatan ke utara sebanyak 78 kilometer. Muara teluk Thailand yang berhampiran dengan wilayah Songkhla menyebabkan air menjadi payau. Dalfin Irrawaddi ialah ikan yang hidup di dalam tasik, tetapi berada dalam keadaan bahaya kerana menghadapi masalah kepupusan daripada penangkapan oleh industri perikanan tempatan.



1.3.3 Sejarah

Pada abad ke-18 ramai orang Cina yang berhijrah masuk ke Songkhla, terutamanya dari Guangdong dan Fujian. Pemberontakan dalam negara Cina menyebabkan mereka berhijrah mencari kemanan dan kekayaan ekonomi. Seorang daripadanya berjaya mengatasi perintah cukai ladang dalam wilayah pada tahun 1769. Keluarga “Na Songkhla” menjadi sebuah keluarga yang paling kaya dan berpengaruh. Pada tahun 1777 kekuasaan politiknya meningkat, apabila pemerintah yang dahulu tersingkir dan Luang Inthakhiri





(Yang, seorang Cina nama Wu Rang) menjadi pemerintah yang baru. Pada tahun 1786 pemerintah yang dahulu mula menjadi pemberontak, bagaimanapun tindakannya berakhir 4 bulan kemudian. Pengumuman kewarisan diadakan dan dilihat oleh 8 orang daripada keturunannya sehingga tahun 1901, manakala Phraya Wichiankhiri (Chom) menjadi sebahagian daripada pentadbiran pemerintahan Putera Damrong Rajanubhab. Kini rumah keluarganya telah dijadikan sebagai “Muzium Nasional Songkhla”.

1.3.4 Demografi



Songkhla adalah salah satu daripada lima wilayah Thai yang mempunyai majoriti penduduk yang beragama Islam; 23.2% adalah Muslim dan 4.6% adalah orang Melayu.

1.3.5 Lambang

Lambang wilayah Songkhla menunjukkan siput yang terletak di atas dulang berhias kaca.

Simbol-simbol yang lain termasuk pokok *Sa-dao-thiam* (*Azadirachta excelsa*).





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

16

Gambar 1.3.5

Lambang Wilayah Songkhla



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.3.6 Kawasan pentadbiran

Songkhla terbahagi kepada 16 kawasan pentadbiran (*Amphoe*), dibahagikan lagi kepada 127 daerah (*tambon*) dan 987 buah kampung (*mubaan*).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Gambar 1.3.6
Peta Amphoe di Songkhla





1.3.7 Masyarakat Melayu di Songkhla

Di selatan Thai, terdapat lima wilayah perbatasan yang kedudukannya bersempadan dengan negara Malaysia. Wilayah-wilayah itu terdiri daripada Pattani, Yala, Narathiwat, Songkhla dan Satun yang kedudukan sekarang ini dikenali sebagai wilayah-wilayah Sempadan Selatan. Majoriti penduduk di kawasan wilayah-wilayah itu adalah masyarakat Islam berbangsa Melayu. Mereka mempunyai kedudukan dan latar belakang tersendiri dari segi sejarah, agama, bangsa dan budaya yang berbeza dengan penduduk majoriti di wilayah-wilayah lain.

Walaupun penduduk Melayu Muslim membentuk 6 % daripada 64 juta



penduduk Thailand yang beragama Buddha, mereka adalah penduduk majoriti

di kawasan Pattani, iaitu lima wilayah yang terdiri daripada Pattani, Yala, Narathiwat, Songkhla dan Satun. Pattani dari segi sejarah ialah kerajaan Langkasuka Melayu lampau yang diasaskan pada abad pertama Masihi. Langkasuka dianggap sebagai salah satu pelabuhan perdagangan yang penting untuk para pedagang Asia, terutama mereka yang belayar terus dari selatan Vietnam menyeberangi Teluk Siam ke Semenanjung Tanah Melayu. Apabila kuasa-kuasa besar dari rantau ini, seperti empayar Angkor di Kemboja, Pagan di Mon dan Sriwijaya masuk campur dalam urusan Semenanjung tersebut, negari-negari kecil berjuang bagi mengekalkan kemerdekaan mereka dengan mempertahankan kedudukan yang terancam, kalau tidak, mereka akan hilang kedudukan. Kerajaan Langkasuka secara beransur-ansur menjadi lemah dan diganti oleh kerajaan Pattani.





Hikayat Merung Maha wangsa mengaitkan penubuhan Pattani kepada orang yang datang dari Kedah manakala Pongsawadan Muang Pattani mengaitkan penubuhannya dengan raja yang berasal dari kota Mahligai yang belum dikenali dalam sejarah. Dalam sejarah Kerajaan Melayu Pattani, Ibrahim Shukri berpendapat seorang pemerintah dari pendalaman kota Mahligai membangunkan sebuah perkampungan pantai yang kecil sehingga menjadi sebuah pelabuhan yang sibuk. Akhirnya kota Mahligai yang terbiar dan agak terpencil itu ditinggalkan, dan tarikh peristiwa ini tidak jelas. Tom Pires, seorang Portugis singgah di Melaka pada tahun 1511, mencatat tentang Pattani bahawa ia wujud sebelum 1370. Rantau tersebut sebaliknya dikenali oleh para pelayar Cina sebagai Langkasuka semasa pelayaran oleh Laksamana Cheng Ho sekitar tahun 1403.



Selatan Thai mengikut ukuran budaya etnik dan bahasa, adalah sebahagian daripada dunia Melayu. Tetapi akibat penjajahan dan menerusi pembentukan sempadan oleh kuasa kolonial pada masa yang lalu, maka ia menjadi sebahagian daripada negara Thai Buddha. Walaupun budaya Thai dan Melayu jelas berbeza pada tahap “tradisi kecil.” Perkara ini dapat dilihat bahawa penduduk Thai selatan yang bercampur dengan orang Melayu dan Negrito untuk beberapa abad yang lama dan mempunyai sedikit sahaja persamaan dengan aliran utama budaya Siam. Konsep tabii dan pemujaan roh agak sama dan tidak terdapat di Thai Phak Tai (Selatan Thai).





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
20

Hasil utama orang Melayu ialah tanaman asas dan perikanan. Walau bagaimanapun, orang Islam atas alasan agama tidak menjalankan ternakan babi yang popular dalam masyarakat Thai.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi